

## Nombor dan Operasi

1. Rajah 6 menunjukkan sekeping kad nombor.

|         |
|---------|
| 796 009 |
|---------|

- (i) Tulis nombor yang ditunjukkan pada kad nombor di atas dalam perkataan.

( 1 markah )

- (ii) Nyatakan nilai tempat bagi digit 6 pada kad nombor yang diberi.

( 1 markah )

- (iii) Cari hasil darab antara nilai digit terbesar dan nilai digit terkecil.

Nilai Digit Terbesar

Nilai Digit Terkecil

Hasil Darab =

( 3 markah )

2. Rajah 8 menunjukkan satu pernyataan.

Satu perkhemahan telah diadakan di SK Permai Jaya. Beberapa pasukan unit beruniform telah mengambil bahagian dalam pertandingan kawad kaki. Setiap pasukan unit beruniform terdiri daripada 33 orang ahli. Jumlah ahli yang mengambil bahagian ialah 165 orang.

Rajah 8

- (i) Nyatakan anu.

( 1 markah )

- (ii) Tulis satu ayat matematik yang melibatkan anu itu.

( 1 markah )

- (iii) Bilangan pasukan unit beruniform yang mengambil bahagian dalam pertandingan kawad kaki ialah 4 pasukan.  
Buktikan pernyataan ini benar atau salah.

( 3 markah )

3. Rajah 9 menunjukkan sebuah bas dengan kapasiti penumpangnya.



Rajah 9

- (i) Sekolah Kebangsaan Sepakat Jaya akan membuat lawatan ke Pulau Pinang. Seramai 150 orang murid menyertai rombongan itu. Setiap 10 orang murid mesti mempunyai seorang guru yang menjaganya.

Berapakah bilangan guru yang diperlukan untuk rombongan itu ?

( 2 markah )

- (ii) Berapakah bilangan bas yang diperlukan untuk membawa semua ahli rombongan itu ?

( 3 markah )

4. Rajah menunjukkan perbualan sekumpulan murid dan seorang guru.

Saya ada 180 biji  
guli



Razi

Kami ada bilangan guli  
yang sama



Rama

Lim

Syafiq

Jumlah guli kamu  
semua ialah 840 biji



Cikgu Azizah

Berdasarkan perbualan itu, berapakah bilangan guli yang dipunyai oleh Lim ?

5. Rajah di bawah menunjukkan tiga keping kad nombor

58 725

596 000

98 215

Rajah 8

(i) Apakah nombor yang paling besar?

[1 markah]

(ii) Berapakah jumlah nombor dalam 3 kad itu?

[2 markah]

6.

Jadual 4 menunjukkan bilangan penghuni asrama  $R$ ,  $S$  dan  $T$  pada awal tahun 2015 bagi tiga sebuah sekolah. Bilangan penghuni asrama  $T$  tidak dinyatakan.

| Asrama            | $R$ | $S$ | $T$ |
|-------------------|-----|-----|-----|
| Bilangan penghuni | 150 | 170 |     |

Jadual 4

Bilangan penghuni asrama  $T$  adalah lebih 30 orang daripada jumlah penghuni asrama  $R$  dan  $S$ .

(i) Hitung bilangan penghuni asrama  $T$ . [1 markah]

(ii) Pada akhir tahun, jumlah penghuni bagi setiap asrama berkurangan sebanyak 50 orang.

Hitungkan jumlah penghuni bagi 3 buah asrama itu di hujung tahun.

[3 markah]

7.

Jadual 8 menunjukkan bilangan murid perempuan dan lelaki di dalam sebuah dewan untuk suatu majlis.

| Perempuan | Lelaki |
|-----------|--------|
| 384       | 416    |

Jadual 8

Kesemua murid dikehendaki berbaris sama banyak dalam 20 barisan.

(i) Berapakah bilangan murid dalam setiap baris?

[2 markah]

(ii) Berapakah bilangan murid yang perlu masuk ke kelas supaya bilangannya sama dengan separuh bilangan murid lelaki?

[3 markah]